

1.2 OPERASI ASAS NOMBOR PERPULUHAN

1.2.5 Menyelesaikan Masalah Harian



1.25 liter

Berapakah jumlah isi padu bagi sedozen kotak susu yang sama seperti yang ditunjukkan?



Lengkapkan tempat kosong.

- | | | |
|-------------------|---|--|
| Diberi | ▶ | Isi padu bagi sekotak susu = <input type="text"/> liter |
| Dicari | ▶ | Isi padu <input type="text"/> kotak susu |
| Operasi | ▶ | <input type="text"/> |
| Selesaikan | ▶ | $12 \times 1.25 \text{ liter} = $ <input type="text"/> liter |



1 dozen = 12 unit



Isi padu air yang berada di dalam sebuah labu sayong ialah 1.8 liter. Puan Aminah menuangkan kesemua air itu sama banyak ke dalam 10 biji cawan.

Kira isi padu air di dalam sebiji cawan.

Lengkapkan tempat kosong.

- | | | |
|-------------------|---|--|
| Diberi | ▶ | Isi padu air di dalam labu sayong = <input type="text"/> liter |
| | | Tuang ke dalam <input type="text"/> cawan |
| Dicari | ▶ | Isi padu secawan air |
| Operasi | ▶ | <input type="text"/> |
| Selesaikan | ▶ | $1.8 \text{ liter} \div 10 = $ <input type="text"/> liter |

1.2 OPERASI ASAS NOMBOR PERPULUHAN

1.2.5 Menyelesaikan Masalah Harian

1. Bacaan suhu badan Kamal sewaktu sihat ialah 37.10 darjah celcius ($^{\circ}\text{C}$). Semasa dia demam, suhu badannya bertambah sebanyak 2.5 darjah celsius ($^{\circ}\text{C}$). Kira suhu badannya yang terbaru.

2. Pada hari Sabtu, Sze Mei berlari sejauh 13.21 km. Pada keesokan harinya, dia menambah lagi jarak larian sejauh 2.12km. Berapakah jumlah jarak lariannya pada kedua-dua hari tersebut.

3.



RM3.90



RM 2.90

- a) Kira jumlah harga donat dan kek cawan.

(_____/3 markah)

1.2 OPERASI ASAS NOMBOR PERPULUHAN

1.2.5 Menyelesaikan Masalah Harian

- b) Wang Azizah hanya mencukupi untuk membeli salah satu makanan. Makanan yang mana lebih mahal? _____

Berapakah lebihan harga?

4. 4.8 liter isi padu jus jambu batu di dalam sebuah jag telah diberi kepada beberapa orang budak. Isi padu jus yang masih tinggal di dalam jag ialah 1.5 liter. Berapakah isi padu jus jambu batu yang telah diminum?

5. Setiap hari, Muthu menguli 15.67 kg adunan roti canai pada waktu pagi untuk dijual di restorannya. Dia menguli 17.96 kg adunan roti canai lagi pada waktu petang. Berapakah lebihan adunan roti canai pada waktu petang berbanding waktu pagi?

(_____/4 markah)